

Berita COVID-19: Suatu Analisis Kritikan Pedas Netizen di Facebook

NORHAYATI UMOR
AWAN ISMAIL
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Komunikasi melalui media sosial seperti Facebook mengenai isu-isu sosial, politik atau ekonomi semakin ketara dalam kalangan masyarakat masa kini. Hal ini kerana aspek berkenaan memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari. Ini termasuklah tentang isu penularan wabak koronavirus (COVID-19) dan kadar kematian yang menggemparkan seluruh dunia dan menyebabkan rakyat Malaysia panik serta bimbang. Kebimbangan ini menyumbang kepada peningkatan komunikasi warga maya di semua platform media sosial dalam semua berita atau maklumat sehingga meninggalkan komen-komen negatif tanpa kawalan. Isu penularan wabak koronavirus di negara Malaysia yang dimuat naik di laman sosial Malaysiakini dan Sinar Harian telah mendapat reaksi dan maklum balas yang tinggi daripada pengguna Facebook. Secara tidak langsung laman sosial kedua-dua organisasi ini telah menjadi salah satu medan perhubungan antara rakyat dengan kerajaan. Penyelidik mahu mengenal pasti bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa dan interpretasi netizen yang digunakan oleh pengguna Facebook di ruangan komen laman sosial. Sebanyak 400 komen telah dikenal pasti dan dikategorikan mengikut kerangka yang dicadangkan oleh Culpeper dan Entman. Dapatkan kajian menunjukkan netizen di kedua-dua media ini lebih banyak menggunakan bahasa berbentuk kritikan pedas atau aduan manakala reaksi yang ditonjolkan menjurus kepada penilaian netizen terhadap maklumat yang dibaca. Hal ini menunjukkan kegagalan kerajaan menangani isu ini sekali gus memberi ruang netizen menzahirkan dan menggunakan komen bahasa yang tidak santun. Ini dapat dilihat daripada pemikiran dan sikap serta nilai kesantunan ketika berbahasa kian luntur dalam kalangan masyarakat. Kajian ini juga menunjukkan reaksi netizen yang cenderung kepada membuat tafsiran sendiri yang mungkin disebabkan sentimen kebencian individu tersebut, pengaruh politik, laskar siber atau hanya membaca tajuk sahaja.

Kata kunci: Netizen, bentuk ketidaksantunan, Facebook, COVID-19, pembingkai.

COVID-19 News: An Analysis of Netizen's Scathing Criticism on Facebook

ABSTRACT

Communicating using social media such as Facebook to discuss social issues, politics or economy is increasingly significant among today's society. This is because those aspects play an important role in daily life. This includes issues pertaining to the transmission of coronavirus (COVID-19) and its outbreaks and the death rate which causes panic among Malaysians. These concerns contribute to the increase in virtual communication on all social media platforms, be it news or information, which saw negative comments uncontrollably left on social media sites. Malaysiakini and Sinar Harian received a lot of reactions and responses from Facebook users on COVID-19 issues. Indirectly, the social media sites of the two organisations have become a communication platform between the people and the government. Researchers aim to the forms of language used by Facebook users and how they evaluate and perceive the comments section. A total of 400 comments were selected and categorised according to the framework proposed by Culpepper and Entman. The findings of the study show that netizens in both social media sites use more language in the form of scathing or complaints

while the reactions highlighted lead to. This shows that the government failed to address this issue thus giving netizens space to express and use rude language on their Facebook comments. This is a reflection of the dissipating values of being tact and polite in the Malaysian society. This study also shows that the reaction of netizens who tend to make their own interpretations are caused by individual hatred sentiments, political influence, cybertroopers or merely reading the title.

Keywords: *Netizens, impolite, Facebook, COVID-19, framing.*

PENGENALAN

Media sosial menjadi satu trend mengisi masa lapang dan bersosial lebih-lebih lagi dengan kehadiran teknologi moden. Antaranya kewujudan telefon pintar yang memudahkan perkongsian maklumat dalam masa yang singkat dan cepat. Media sosial wujud sebagai suatu instrumen rangkaian sosial yang begitu terbuka kepada umum dan di dalamnya terdapatnya pelbagai aplikasi yang boleh digunakan oleh para penggemar seperti Facebook (Nur Shazana, 2018). Ini telah menarik minat ramai pengguna atau pelayar Internet melibatkan diri secara aktif dalam interaksi ruang maya dengan pelbagai tujuan serta mengekspresikan luahan hati mereka terhadap pihak tertentu.

Namun, penggunaan media sosial yang meluas ini turut memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat. Sesetengah pengguna menggunakan media sosial sebagai alat untuk menyebarkan fitnah, maklumat salah dan tidak tepat. Dalam konteks media baharu ini, netizen bebas meluahkan pendapat mereka tanpa sebarang rasa takut (Normah, 2020). Pelbagai isu diperdebatkan secara terbuka melalui media sosial. Antara platform media sosial yang popular pada masa kini ialah *Facebook, Twitter, Whatsapp, Instagram* dan lain-lain.

Menurut *Hootsuite and We Are Social* pada Januari 2020, Malaysia berada pada kedudukan kelima di dunia dan teratas di Asia Tenggara dalam penggunaan Internet. Ini sekaligus mencatatkan penembusan Internet pada tahap 81 peratus dalam tempoh yang sama dengan penggunaan pelayar secara purata sebanyak lapan jam lima minit sehari. Jumlah penggunaan Facebook di negara ini meningkat dan mencapai 89.1 peratus setakat Januari 2021. Angka ini menyaksikan laman sosial itu berada di kedudukan ketiga selepas YouTube 93.7 peratus dan WhatsApp 91.9 peratus.

Pengguna laman sosial menggunakan platform tersebut untuk mengekalkan dan mencari hubungan, aktiviti semasa, menyertai kumpulan komuniti maya, mendedahkan diri dan mencari maklumat. Oleh demikian, spek seperti ciri peserta, hubungan, perilaku sopan dan tidak sopan, saluran menyampaikan simbol antara satu sama lain, konteks sosial dan fizikal serta tujuan komunikasi dan bahasa perlu diberi perhatian semasa berlangsung proses komunikasi (Amirah, Noriza, Norizah & Nurrissammimayantie, 2019).

Keterbukaan platform-platform media sosial itu memberi ruang kepada netizen melontarkan pandangan dan pendapat tentang sesuatu isu. Menurut Eisenlauer (2014), pembabitan antara media dan netizen mewujudkan hubungan sosial. Interpretasi netizen terhadap status atau berita yang dipaparkan dapat diperhatikan dalam ruangan komen. Maslida dan Karim (2015) menjelaskan bahawa aktiviti perkongsian maklumat oleh media mengungkap emosi netizen menyebabkan banyak bahasa yang ditinggalkan di ruangan komen oleh netizen. Netizen menggunakan komen-komen negatif tanpa memikirkan aspek kesantunan.

Menurut Murugan Krishnan (2019), bahasa merupakan alat komunikasi sistematik yang digunakan dalam keadaan tertentu serta berkait dengan kesantunan berbahasa. Bagaimanapun, konsep ketidaksantunan ini boleh mengakibatkan konflik sosial dan

ketidakharmonian dalam media sosial seperti Facebook (Culpeper, 2011). Organisasi media akan melaporkan berita menerusi isu yang menarik perhatian pembaca dan pada masa yang sama, ia boleh mempengaruhi tafsiran masyarakat terhadap pemberitaan tersebut. Konteks kesantunan ini dikaji dengan menggunakan konsep pembingkaihan berita yang menentukan agenda sesuatu pemberitaan. Menurut Mohamad Abdul Nafi (2006), sesebuah organisasi akan melaporkan berita menerusi isu yang menarik perhatian pembaca, dan pada masa yang sama ia boleh mempengaruhi tafsiran masyarakat terhadap pemberitaan tersebut.

Entman (2004) dan Azhar et al. (2015) menyatakan bahawa pembingkaihan penting bagi sesuatu teks komunikasi mendefinisikan masalah sekaligus membolehkan pembaca dapat membuat tafsiran, sebab, pertimbangan moral dan saranan. Justeru, penyelidik akan mengenal pasti bentuk-bentuk ketidaksantunan mengikut kerangka Culpeper (2011). Selain itu, penyelidik akan menganalisis reaksi netizen terhadap berita yang dikeluarkan itu dari sudut tafsiran, penilaian dan penyelesaian melalui ruangan komen mengikut kerangka konsep Entman (2004).

Dalam kajian ini, isu berita yang dipilih adalah; Wabak Koronavirus di Malaysia Belum Serius: Tun M yang disiarkan di laman Facebook Sinar Harian dan PM: Tiada rancangan kuarantin semua ketibaan dari China, negara terkesan, di laman Facebook | MalaysiaKini. Kedua-dua tajuk berita pertama telah dijadikan data kajian ini untuk mengkaji komen yang dikeluarkan oleh warga maya secara analisis tekstual.

REAKSI RAKYAT TERHADAP ISU COVID-19

COVID-19 diisyiharkan sebagai pandemik disebabkan penularannya sangat tinggi dan membimbangkan (Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO, 2020). Penularan wabak ini bermula di Wuhan, China dan merebak ke seluruh dunia. . Wabak ini merebak melalui titisan batuk atau bersin dan jangkitannya boleh menyebabkan radang paru-paru yang teruk.

Pada awal penularan wabak berkenaan di Malaysia, masyarakat di negara ini mula bimbang jika ia berlarutan ditambah pula dengan kenyataan awal Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika itu yang mengatakan wabak berkenaan belum mencapai tahap serius serta tiada keperluan untuk menyekat warganegara China daripada memasuki negara ini. Tindakan itu mencetus kemarahan rakyat Malaysia yang rata-rata bimbang dengan pandemik itu, justeru pelbagai komen diutarakan di semua platform media sosial. Ekoran angka kematian semakin meningkat, rakyat mahu mengetahui apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan Malaysia, maka Perdana Menteri ketika itu mengeluarkan kenyataan berkenaan pada awal penularan wabak. Apabila berita ini disiarkan selepas wabak koronavirus (COVID-19) merebak di seluruh negara pada 27 Januari 2020, pelbagai reaksi dan maklum balas daripada warga maya diterima dan kebanyakannya adalah negatif.

PERMASALAHAN KAJIAN

Keterbukaan dunia maya yang menyaksikan netizen menggunakan media sosial sebagai tempat meluahkan pendapat telah meningkatkan penyalahgunaan bahasa yang tidak terkawal. Netizen mengekspresikan pelbagai emosi dalam menyuarakan pandangan sehingga mengecam sesiapa sahaja tanpa memikirkan kesan jangka masa panjang. Menurut Nadia (2017) komen negatif yang ditinggalkan di Facebook menyebabkan netizen lain turut terpengaruh untuk memaki hamun dengan kata-kata kesat.

Murugan (2018) berpendapat penggunaan bahasa yang baik dan nilai kesantunan dituntut bagi menjaga sensitiviti masyarakat lain supaya keharmonian dan kemakmuran sejagat

terpelihara. Media sosial sepatutnya dijadikan ruang awam untuk netizen meluahkan pendapat, idea dan kebebasan bersuara dengan berhemah. Namun, pada masa kini komen-komen yang ditinggalkan netizen telah mencemari ruang awam itu. Lebih lagi apabila berita mengenai sesuatu isu yang hangat. Netizen menjadi agresif dan meluahkan segala emosi sebagai tanda protes dan tidak berpuas hati (Normah, 2020).

Selain daripada ruang komen dihujani kata-kata tidak santun, netizen juga menyuarakan pandangan berdasarkan andaian diri sendiri dan tidak berlandaskan fakta. Netizen menghakimi seseorang dengan hanya membuat tafsiran sendiri secara beremosi. Oleh itu, senario ini perlu dibendung supaya generasi akan datang terus menghormati pemimpin, kerajaan, orang tua dan sebagainya.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh dikenakan kepada netizen yang mengkritik kerana bahasa yang digunakan melampau dan menyinggung perasaan serta bertindak mengapi-apikan boleh mencetuskan pergaduhan. Di Malaysia, setiap komen masyarakat yang negatif boleh disiasat di bawah akta berkenaan. Bagaimanapun, perkara ini menjadi persoalan kerana meskipun pelbagai undang-undang berkaitan media sosial wujud, ia masih tidak dapat mengekang penyalahgunaan ini. Menurut Syahredzan (2020) rakyat Malaysia bebas mengeluarkan pendapat selagi tidak melanggar undang-undang yang digubal di bawah Perkara 10 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan namun isu di Malaysia adalah undang-undang yang digubal terlalu luas dan tidak khusus kepada apa yang dinyatakan dalam Perlembagaan.

KERANGKA BENTUK KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA

Menurut Culpeper (2011) ketidaksantunan ialah sikap dan perilaku negatif yang terjadi dalam konteks tertentu. Perilaku tidak santun didasari oleh harapan, keinginan dan/atau keyakinan tentang nilai tertentu. Ketidaksantunan merupakan perilaku komunikasi yang berniat menyerang air muka orang yang ditujukan percakapan, atau menyebabkan orang yang ditujukan percakapan menjadi berasa begitu. Dengan kata lain, tindakan ketidaksantunan bergantung pada niat penutur dan pemahaman pendengar terhadap ujaran yang dituturkan.

Analisis tekstual dilaksanakan berdasarkan kerangka ketidaksantunan oleh Culpeper iaitu hinaan, kritikan pedas atau aduan, soalan yang mencabar atau praandaian, meninggi diri, mesej paksaan, penyingkir, mendiamkan, ugutan, sumpahan dan gangguan campur tangan. Dalam menentukan konsep ketidaksantunan, penyelidik secara umumnya meneliti dan merujuk kepada konsep tidak sopan (*mpolite*). Komen seperti '**bangang stetman..dia x pa la da puas hidup..., pentingkan diri sendiri tun tidak layak menjadi pm Malaysia, PM nyanyuk nii'** (bangang punya kenyataan, dia tidak mengapa sudah puas hidup, pentingkan diri sendiri, Tun tidak layak menjadi Perdana Menteri Malaysia, ini Perdana Menteri nyanyuk) merupakan antara komen-komen netizen. Reka bentuk kajian penting sebagai panduan untuk sesuatu kajian bagi memastikan objektif kajian penyelidikan ini tercapai.

PENGKATEGORIAN ENTMAN

Teori pembingkaian Entman (2004) menyatakan bahawa pembingkaian memainkan peranan penting dalam mendefinisikan terma perbincangan umum dengan membentuk pendapat orang ramai melalui penggunaan bahasa dan mengarah kepada perubahan polisi awam. Pembingkaian bertindak sebagai mekanisme kepada media, golongan elit politik dan pegawai awam untuk mendemonstrasikan rangka politik mereka. Keperluan utama dalam membingkai sesuatu isu perlu dilihat menerusi beberapa aspek yang boleh diterima dan ditonjolkan dalam

teks bagi menggalakkan sesuatu masalah tertentu, tafsiran bersebab, penilaian yang lebih dan menghuraikan sesuatu cadangan (Entman, 2004).

Analisis pembingkaian Entman ialah model analisis yang melihat tujuan di sebalik berita di media. Ia diambil dari suatu isu atau realiti yang dibingkai oleh media, kemudian difahami dan ditafsirkan sehingga memiliki makna tertentu (Eriyanto, 2012). Justeru, daripada kerangka Entman itu, penyelidik mengekstrak data melalui komen berdasarkan kategori tafsiran (*interpretation*), penilaian (*evaluation*) dan penyelesaian (*solution*). Ketiga-tiga ini diukur menerusi reaksi dan pandangan netizen yang diterjemahkan menerusi komen diberi.

Kategori tafsiran dapat dilihat pada penekanan sumber masalah. Kategori penilaian pula ialah sesuatu nilai moral untuk menjelaskan masalah dan nilai moral yang diguna pakai untuk melegitimaskan atau mendelegitimasi sesuatu tindakan. Manakala, bagi kategori penyelesaian pula menekankan jenis penyelesaian yang ditawarkan untuk mengatasi masalah (Entman, 2004, hlm. 5).

METODOLOGI KAJIAN

Penerapan kaedah kualitatif bersifat deskriptif menerusi analisis tesktual digunakan untuk mengenal pasti jumlah kumulatif dan bentuk-bentuk ketidaksantunan bahasa netizen dalam ruangan komen di Facebook Sinar Harian dan Malaysiakini. Selain itu, analisis bentuk ketidaksantunan bahasa juga dilakukan terhadap komen-komen netizen berdasarkan leksikal dan frasa yang digunakan dalam komen yang diberi. Analisis turut dilakukan terhadap keseluruhan konteks ayat dalam komen yang membawa makna ketidaksantunan seterusnya dikelompokkan mengikut bentuk-bentuk ketidaksantunan yang dikemukakan oleh Culpeper (2011), dan dikategorikan mengikut pembingkaian Entman (2004) bagi memperlihatkan maklum balas dan keterlibatan netizen dalam isu COVID-19.

Data kajian ini diambil berdasarkan sampel komen yang disiarkan melalui komen-komen pengguna di ruangan komen berita yang disiarkan di kedua-dua Facebook organisasi berkenaan. Komen yang dikumpulkan adalah daripada lelaki dan wanita, di mana berdasarkan nama akaun mereka dan majoriti ialah nama lelaki. Namun, sukar untuk menentukan jumlah jantina kerana tiada paparan maklumat jantina dan nama asal juga tidak digunakan, maka kebarangkalian akaun yang digunakan juga adalah palsu. Ini kerana pembukaan akaun Facebook hanya boleh dilakukan dengan mendaftar e-mel. Justeru, analisis jantina dan bangsa dibuat berdasarkan nama yang digunakan di dalam Facebook tersebut, namun penyelidik tidak dapat mengenal pasti latar belakang pemberi komen/pengguna Facebook yang memberi komen. Pada masa yang sama, penyelidik juga sukar menentukan kumpulan umur kerana responden tidak memamerkan usia mereka di profil mereka.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, penyelidik telah membingkaikan berita kenyataan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad dari 25 Januari 2020 hingga 29 Februari 2020.

Jadual 1: Bilangan jumlah kekerapan keseluruhan artikel yang direkodkan di Facebook sepanjang tempoh 25 Januari 2020-29 Februari 2020

Berita	Kekerapan
Sinar Harian	10
Malaysiakini (BM)	6
Jumlah	16

Jadual 2: Jumlah bentuk ketidaksantunan bahasa dalam ruangan komen berita

Bentuk Ketidaksantunan	Sinar Harian	Malaysiakini
Kritikan Pedas/Aduan	69 (34.5%)	107 (54.5%)
Soalan yang Mencabar/ Praandaian (SMP)	15 (7.5%)	24 (12%)
Meninggi Diri (MD)	5 (2.5%)	0 (0%)
Mesej Paksaan (MP)	11 (5.5%)	5 (2.5%)
Penyingkiran (P)	11 (5.5%)	3 (1.5%)
Mendiamkan (M)	9 (4.5%)	0 (0%)
Ugutan (U)	4 (2%)	0 (0%)
Sumpahan (S)	21 (10.5%)	14 (7%)
Gangguan Campur Tangan (GCT)	0 (0%)	0 (0%)
Hinaan	55 (27.5%)	47 (23.5%)

Jadual 3: Jumlah dapatan kategori tafsiran, penilaian dan penyelesaian

Kategori	Sinar Harian	Malaysiakini
Interpretation (tafsiran)	57 (28.5%)	107 (53.5%)
Evaluations (penilaian)	135 (67.5%)	79 (39.5%)
Solutions (penyelesaian)	8 (4%)	14 (7%)
Jumlah	200	200

DAPATAN BENTUK KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA

Terdapat empat bahagian dalam bentuk hinaan iaitu vokatif negatif persendirian, penegasan negatif persendirian, rujukan negatif persendirian dan rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan. Dapatkan mendapati bentuk ini mencatatkan komen kedua tertinggi iaitu sebanyak 102 komen. Leksikal negatif merujuk kepada seseorang atau individu yang diperkatakan seperti ‘bodoh’, ‘bangang’, ‘nyanyuk’, ‘hancing’ dan ‘goblok’.

Jadual 4: Bentuk hinaan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
H-VNPSH	<i>Dia lupa ke??cegah sbлом parah? Mmg dah nak mmpos ke apa org tua ni..buang tabiat..</i>
VNPMK	<i>Apa pnya bangang stetman..dia x pa la da puas hidup...over limit sgt da..adoii</i>
HPNPSH	<i>Nak tunggu sampai kritikal dlu ke bru nak bertindak org tua oiii..bangang pnye mentri..elok kurantin skli org tua ni</i>
HPNPMK	<i>Apa pnya bangang stetman..dia x pa la da puas hidup...over limit sgt da..adoii</i>
H-RNPSH	<i>dah nyanyok dia nih, dia ckp ape pon xtahu. berape banyak puak china byr pon xthu la. bawak semua puak china duduk umah kau.</i>
H-RNPMK	<i>Masa ini otak atok ada kat lutut..</i>
H-RNSSH	<i>BEBAL² ATOK KAU ..BEBAL LAGI RAKYAT YG UNDI PH</i>
H-RNSMK	<i>Baik menteri2 diam je..kalau bcakap nampak kebodohan...lagi2 orang tua ni..nyanyuk..biadap...tak jaga langsung sensitiviti rakyat..</i>

Data H-VNPSH adalah hinaan-vokatif persendirian itu dilihat penggunaan perkataan ‘bodoh’ yang bertindak menghina Perdana Menteri berdasarkan berita berkenaan menerusi ujaran “**org tua ni**”. Begitu juga dengan H-VNPMK menggunakan ujaran “**orang tua ni**”. Data H-PNPSH menunjukkan penegasan negatif persendirian menerusi ayat “**Bodoh betul**”. Frasa ‘bodoh betul’ itu menunjukkan penegasan tentang sifat bodoh yang dilontarkan kepada Perdana Menteri. Manakala, H-PNPMK menunjukkan penggunaan ungkapan “**bangang stetman.. dia x pa la da puas hidup**”. Ini merujuk kepada kenyataan tindakan yang dilakukan

Perdana Menteri dalam isu COVID-19. Selain itu, data H-RNPSH adalah bentuk hinaan-rujukan negatif persendirian menerusi ayat "**PM nyanyuk nii**". Berdasarkan komen netizen itu, ungkapan berkenan merujuk kepada bentuk hinaan-rujukan negatif persendirian tentang usia Perdana Menteri menerusi leksikal 'nyanyuk'. Data H-RNPMK pula menunjukkan menerusi ungkapan "**otak atok ada kat lutut**". Manakala, data terakhir dalam bentuk hinaan iaitu H-RNSSH rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran perbincangan dapat dilihat menerusi penggunaan ayat "**anak dia**". Penggunaan itu merujuk kepada orang ketiga iaitu anak kepada Perdana Menteri itu. Malah, komen warga maya itu juga merujuk kepada penghinaan apabila menyebut 'bodoh macam tiada otak'. Selain itu, data H-RNSMK menunjukkan penggunaan ungkapan "**MENTERI PH**", ini merujuk kepada Menteri-menteri kabinet Pakatan Harapan yang seolah-olah sama dan bersetuju dengan tindakan Perdana Menteri. Berdasarkan ungkapan yang ditinggalkan netizen, komen berkenaan menunjukkan panggilan yang tidak sopan atau biadap selain tidak menghormati pemimpin negara dengan memanggil "**orang tua ini**", "**PM nyanyuk**", "**atok**" dan sebagainya. Malah, tidak sepatutnya panggilan itu digunakan untuk YB (Yang Berhormat) atau Tun Dr Mahathir Mohamad yang merujuk kepada Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Komen seperti "**bangang stetman..dia x pa la da puas hidup**" bukan sahaja menyifatkan Perdana Menteri itu sebagai bodoh, malah mempertikaikan usia Perdana Menteri yang sudah melebihi 90 tahun. Netizen juga tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil pemimpin itu dalam menangani isu COVID-19. Ini jelas menunjukkan ketidaksantunan berbahasa dan bersikap biadab terhadap pemimpin negara.

Jadual 5: Bentuk kritikan pedas atau aduan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
KPASH	Belum. Belum serius lagi. Imigresen amik cuti la. Senang
KPAMK	pelancong cina nak masuk ramai2. Check lebih kurang dah le. Ramai lagi nak dtg nih.

Dalam data KPASH dan KPAMK, netizen meninggalkan komen yang berunsurkan kata-kata sinis terhadap Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan. Komen menunjukkan bahawa warga maya mempertikaikan tindakan kerajaan dalam melaksanakan langkah pencegahan terhadap pengawalan wabak COVID-19 tersebut. Ungkapan "**Belum. Belum serius lagi, Senang pelancong cina nak masuk ramai2, Ramai lagi nak dtg nih**" merupakan kata sinis dan menyindir yang menggambarkan seolah-olah kerajaan tidak peduli akan wabak berkenaan serta menggalakkan pelancong dari negara China datang ke Malaysia tanpa kawalan. Manakala, data KPAMK pula seperti ungkapan "**Tahap menyampah dah dgn tindakan pm ini, mungkin beliau hanya pikir politik shj**" digambarkan seolah-olah Perdana Menteri tidak mempedulikan rakyat sebaliknya hanya tahu berpolitik sahaja. KPASH dan KPAMK, penyelidik mendapati ia jelas memperlihatkan penghinaan terhadap negara serta Perdana Menteri sendiri secara individu, ini mencalarkan kewibawaan Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan masalah serta mencemarkan prinsip Rukun Negara (Kesetiaan kepada Raja dan Negara) selain menjelaskan sikap biadab warga maya berbahasa. Ternyata, pendukungan terhadap prinsip kelima Rukun Negara tidak dipraktikkan netizen.

Jadual 6: Bentuk soalan yang mencabar atau praandaian dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
SMPSH	Nak tunggu anak ko mati ke baru nak ckp serius???
SMPMK	Jgn bazirkan duit rakyat. Apa yg susah sangat utk sekat pelancong china dari masuk ke negara ini. Apa ada kelebihan darinya sehingga pemimpin negara ini begitu teruja dgn kedatangan

mereka. Di harap jgn hadikan rakyat mangsa virus tersebut. Kalau ia singgah kpd menteri2 ,kira oklah. Berketetapan dgn keadaan. Rakyat minta di jauhkan.

Data SMPSH ini dilihat berbentuk provokasi kepada tindakan Perdana Menteri yang tidak bersetuju dengan kenyataan dalam berita itu. Pernyataan "**Nak tunggu anak ko mati ke baru nak ckp serius???**" menunjukkan suatu bentuk soalan yang mencabar seolah-olah Perdana Menteri tidak mengambil berat akan kesihatan rakyat dan tindakan hanya diambil jika anaknya positif virus COVID-19. Hal itu turut digambarkan dengan pernyataan data SMPMK iaitu "**Apa yg susah sangat utk sekat pelancong china dari masuk ke negara ini. Apa ada kelebihan darinya sehingga pemimpin negara ini begitu teruja dgn kedatangan mereka.**" Netizen meninggalkan komen berbentuk soalan yang mencurigainya seolah-olah kerajaan mempunyai agenda lain dengan membenarkan warga China ke negara ini. Penyelidik mendapati daripada komen yang ditinggalkan, mereka juga beranggapan bahawa pemimpin tersebut seolah-olah menerima rasuah berdasarkan ayat "**Atok bekerja untuk siapa?**". Netizen beranggapan pemimpin itu tunduk kepada mana-mana kuasa luar dalam mengambil keputusan berkenaan. Tuduhan tidak berdasas ini bukan sahaja merosakkan institusi integriti dalam negara sebaliknya akan membuatkan pembaca lain turut meragui kesahihan tuduhan ini ia sekali gus menghasut pembaca lain mempercayainya.

Jadual 7: Bentuk meninggi diri dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
MDSH	<i>fakta dan data apa..nk kaut bg ekonomi kita naik,pelancong dana bg ekonomi negara..igt org xtau..belum ada yg kena pada keluarga sendri,blh lah jilat mahadir ni..dh kena,hilang dh logo pkr kt baju tu nanti..kalau bukan sebab aku salah sorg yg pangkah,dia xkn naik lah..hahahaha hadoii</i>

Dapatan MDSH dalam pernyataan "**igt org xtau..**" menunjukkan netizen tersebut memperlekehkan Perdana Menteri dan menganggap beliau lebih mengetahui segala-gala yang berlaku dalam urusan negara. Netizen merendah-rendahkan tindakan yang dilakukan kerajaan serta individu nombor satu negara itu sendiri. Selain itu, pernyataan ***kalau bukan sebab aku salah sorg yg pangkah,dia xkn naik lah.*** Komen ini menunjukkan sikap biadab dan memperlekehkan individu bergelar Perdana Menteri. Sementara itu, bentuk Meninggi Diri di Malaysiakini (BM) pula tidak merekodkan apa-apa bentuk ketidaksantunan dalam komen netizen di organisasi berkenaan.

Jadual 8: Bentuk mesej paksaan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
MPSH	<i>Bila dah kritisal mohon tun m sendiri gunakan dr rawat penyakit corona ni bantu staf yg lain jangan tahu ckp je bawak sekali dr azizah tu</i>
MPMK	<i>Sekat jgn bg masuk lah, klu kurantain libatkan tempat, kos dan risiko jangkitan...kenape lah susah sgt nak faham ape kerisauan rakyat PM dan Pak Menteri ooi.</i>

Data MPSH tersebut menunjukkan bentuk mesej paksaan apabila netizen itu meminta Perdana Menteri supaya merawat sendiri pesakit yang menghidap wabak COVID-19 bersama Timbalan Perdana Menteri iaitu Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika itu ekoran kedua-duanya ialah seorang doktor menerusi pernyataan "***mohon tun m sendiri gunakan dr rawat penyakit***

corona ni, jangan tahu ckp je bawak sekali dr azizah tu". Sementara itu, data MPMK pula menunjukkan komen "**kenape lah susah sgt nak faham ape kerisauan rakyat PM dan Pak Menteri ooi**" yang merendahkan tahap kefahaman Perdana Menteri akan wabak berkenaan dan langkah yang perlu diambil kerajaan. Bentuk mesej paksaan ini merujuk kepada memberi amaran atau mengarahkan Perdana Menteri untuk cepat bertindak kerana netizen beranggapan Perdana Menteri lembab dalam menangani isu COVID-19.

Jadual 9: Bentuk penyingkiran dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
PSH	<i>Saya cadangkan dah alang2 tun m ni doktor, baik dr. M ni dihantar ke wuhan utk membantu mencari penawar virus ni.. Klu tak cukup bawa sekali timbalan dia yg juga doktor (dr. Azizah)</i>
PMK	<i>Letak jawatan cepatlah atok . Makin risau rakyat</i>

Data PSH dalam jadual ini menunjukkan komen netizen berbentuk penyingkiran melalui kenyataan "**baik dr. M ni dihantar ke wuhan**". Penyataan itu menggambarkan warga maya itu muahu menyingkir atau menghalau Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri keluar dari negara ini apabila meminta individu-individu itu membantu mencari penawar wabak COVID-19 kerana tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan dalam berita tersebut. Data ini dapat difahami berdasarkan konteks penyingkiran ke 'Wuhan' selain ayat "**Letak jawatan cepatlah atok**". Kenyataan itu menunjukkan konteks bahawa Perdana Menteri itu perlu meletakkan jawatannya kerana dirasakan kenyataan yang dikeluarkan Perdana Menteri itu tidak serius dan meremehkan wabak COVID-19. Kedua-dua data ini jelas tidak menghormati Perdana Menteri dengan menggunakan mesej yang berniat untuk menghalaunya.

Jadual 10: Bentuk mendiamkan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
MSH	<i>Tahukah anda, decision maker dalam pengendalian wabak dilakukan oleh Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan juga Pakar-pakar perubatan yang lain. Ianya evidence-based, mengikut SOP dan bukan tindakan atas dasar politik. Menteri dan PM dinasihati oleh panel-panel pakar ini...Macai, walaun pembangkang lebih pakar tp tetap bodoh.</i>
MSH	<i>Kerajaan sudah rujuk dgn pakar..rakyat yg masih "berpolitik" yg tak paham..xper,kita tunggu selepas nCOv redha..kita tengok berapa ramai rakyat mati kerananya...di china pun yg mati kebanyakannya golongan org tu yg susah bernafas....takkan dr.m merisikokan rakyatnya untuk mati ramai2...</i>

Data di atas menunjukkan netizen yang ingin menerangkan dan menjelaskan perkara sebenar kepada netizen yang lain. Mereka menjelaskan bahawa tindakan kerajaan menerusi berita yang dikeluarkan itu bukan bersifat politik sebaliknya mendapat nasihat daripada pakar. Hal ini dibuktikan menerusi kenyataan "**bukan tindakan atas dasar politik. Menteri dan PM dinasihati oleh panel-panel pakar ini**". Manakala, data lain menunjukkan bentuk ketidaksantunan menerusi bentuk mendiamkan iaitu ujaran "**xper,kita tunggu selepas nCOv redha..kita tengok berapa ramai rakyat mati kerananya**". Kenyataan itu seolah-olah mendoakan rakyat Malaysia akan meninggal dunia ekoran penularan wabak COVID-19.

Jadual 11: Bentuk ugutan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
USH	<i>Jangan sampai rakyat kita dah kena..kalau dah kena habislh nasib kau dan sekutu kau...time tu jugk kami aka desak bubar parlimen...jdi siap2lh</i>
MSH	<i>Nak tunggu menteri mati dulu baru nak kata kritikal kiki...tp elok jugak boleh buat pilihan raya kecil lagi..hehe...RAKYAT pun dah xsabar tengok kerena menteri makin menyampah.....xboleh bawa bincang,kerajaan tak sampai separuh penggal...hehe</i>

Data USH tersebut menunjukkan bentuk ugutan menerusi komen “**kalau dah kena habislh nasib kau dan sekutu kau**” yang merujuk ancaman atau ugutan kepada Perdana Menteri dan gabungan parti pemerintah. Hal ini diperkuatkan lagi apabila warga maya itu mengeluarkan pernyataan “**kami aka desak bubar parlimen**” iaitu menggambarkan tekanan supaya mereka disingkirkan daripada kabinet. Sementara itu, data lain pula menunjukkan perkara yang sama apabila membuat komen “**boleh buat pilihan raya kecil lagi**”. Manakala, di komen Facebook MalaysiaKini, bentuk ketidaksantunan mendiamkan tidak didapati dalam kajian ini.

Jadual 12: Bentuk Sumpahan dalam ruangan komen netizen

Data	Komen
SSH	<i>harap sgt2 kena kat atok barula berada d tahap serius</i>
SMK	<i>Semoga ada ahli keluarga pemimpin Pakatan Hancing yang kena coronavirus..puak nih tak peduli pun dgn keluhan rakyat..masa nak undi bukan main kata nak tolong rakyat..Melayu Liberal mmg jilake penjilat komunis.</i>

Kedua-dua data SSH dan SMK ini menunjukkan sumpahan menerusi pernyataan “**harap sgt2 kena kat atok**” dan “**Semoga ada ahli keluarga pemimpin Pakatan Hancing yang kena coronavirus**”. Kenyataan ini bersifat mendoakan dan mengharapkan sesuatu yang buruk berlaku. Kata-kata makian berbentuk sumpahan itu ditujukan khusus kepada Perdana Menteri sebagai individu yang dimaksudkan dengan menggunakan perkataan ‘atok’. Hal ini menjelaskan bahawa nilai pegangan agama warga netizen kepada agama masing-masing goyah apabila menggunakan kata-kata berbentuk sumpahan dan mengharapkan sesuatu yang buruk berlaku kepada individu itu.

Bagi bentuk gangguan campur tangan pula, penyelidik tidak menemuinya di kedua-dua laman Facebook Sinar Harian dan MalaysiaKini.

DAPATAN PENGKATEGORIAN PEMBINGKAIAН ENTМAN

Jadual 13: Contoh komen bagi kategori tafsiran

<i>“Mereka takkan dengar suara kita sbg rakyat ni la.. Mereka lebih kepada suara mereka je..” - K12</i>
<i>“Nak tunggu menteri mati dulu baru nak kata kritikal kiki...tp elok jugak boleh buat pilihan raya kecil lagi..hehe...RAKYAT pun dah xsabar tengok kerena menteri makin menyampah.....xboleh bawa bincang,kerajaan tak sampai separuh penggal...hehe” - K14</i>
<i>“dia tak perasan lagi ke bang. Rakyat betul2 benci dgn kerajaan nie..”-K18</i>
<i>“Nak tunggu separuh rakyat kena virus baru nak serius ke? Tutup je la pintu masuk dari cina, halau balik je. Lebih sayangkan pelancong dari rakyat sdiri -K35</i>

"Tggu la sowg mati. 10 org mati. 100org mati. Bru serius. Bru nk cri anta pulg org cina. Bru nk sekat msuk kluar ngra. Bru nk ubati. Bru nk cegah. Taw la pkai battery. Ale uto"-**K68**

Bagi komen K12, penyelidik mendapati netizen berkenaan membuat tafsiran berkenaan kerajaan yang tidak mahu mendengar suara rakyat sebaliknya hanya mahu mengekalkan kuasa tanpa mempedulikan nasib rakyat yang bimbang dengan penularan pandemik COVID-19. Manakala, K14 pula menyifatkan kerajaan Malaysia tidak boleh berbincang dalam membuat keputusan malah meramal bahawa kerajaan Pakatan Harapan ketika itu hanya mampu mengekalkan kuasa mereka di Putrajaya selama separuh penggal. Ini mungkin disebabkan faktor kegagalan kerajaan Pakatan Harapan ketika itu yang tidak menuaikan janji-janji dalam manifesto mereka sebelum Pilihanraya Umum ke-14 yang lalu. K18 pula sangat yakin bahawa semua rakyat di Malaysia ini membenci kerajaan ketika itu. Hal ini berdasarkan ayatnya "**dia tak perasan lagi ke bang. Rakyat betul2 benci dgn kerajaan nie..**". Begitu juga dengan kenyataan netizen di K35 yang menganggap atau mengandaikan Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia lebih menyayangi rakyat China kerana kedegilan kerajaan untuk menutup pintu antarabangsa khususnya untuk warganegara China ekoran wabak COVID-19 dikatakan berpunca daripada negara tembok besar itu. Sementara itu, K68 mentafsirkan kerajaan akan mula bertindak tegas apabila kematian akibat pandemik itu berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini diperkuatkan dengan kenyataannya.

Jadual 14: Contoh komen bagi kategori penilaian

"Dia lupa ke??cegah sbлом parah? Mmg dah nk mmpos ke apa org tua ni..buang tabiat.." -**K72**

"Bg masuk bnyak warga china biaq p kt dy.dy syok ma...bpa ramai mati kerana virus...dy tanggung d pdng mashar nnti..jngan maafkn..mrangkak nnti...d dunia dia syok mcm bg org kena..disna nnti giliran dy plak merangkak" -**K74**

"Bodoh punya org tua..kau nk tgu serious bru nk ambik tindakan? X ke bangang pemikiran kau madir ingat jd menteri cerdik rupanya bodoh" -**K120**

"Anjir ... Nampak sakat gila dengan duit .. mintak² la orang pertama yang kena virus ni PM dulu dan menteri² lain nye .. jaga nanti kalau da dekat dengan PRU Jagan nak mintak tolong dengan rakyat ... Gila py PM tak ada otak ..." -**K112**

K72 dikategorikan sebagai penilaian kerana penyelidik mendapati netizen berkenaan meninggalkan komen dengan membuat penilaian bahawa Perdana Menteri itu sudah tua dan akan meninggal dunia dan berkelakuan ‘buang tabiat’ yang sentiasa atau sinonim dengan disifatkan sebagai nyanyuk disebabkan faktor usianya. Bagi K74 pula, tindakan Perdana Menteri itu dinilaikan akan mendapat balasan pada hari kiamat (mengikut kepercayaan agama Islam) kerana bertindak zalim dengan mendedahkan rakyat Malaysia terdedah dengan wabak COVID-19 apabila membenarkan pelancong warganegara China datang ke Malaysia. Hal ini berdasarkan kenyataan "**dy tanggung d pdng mashar nnti..jngan maafkn..mrangkak nnti...d dunia dia syok mcm bg org kena..disna nnti giliran dy plak merangkak**". Sementara itu, K120 menilai dengan agak sinis apabila mengatakan pemikiran Perdana Menteri sebagai bodoh kerana tidak mahu mengambil tindakan drastik dalam menangani isu tersebut. K112 pula menyifatkan beliau (Perdana Menteri) tiada otak dan turut menilai bahawa Tun Dr Mahathir telah dibeli dengan duit sambil mendoakannya menjadi orang pertama yang akan dijangkiti virus itu bersama menteri-menteri Pakatan Harapan.

Jadual 15: Contoh komen bagi kategori penyelesaian

"Kerajaan sudah rujuk dgn pakar..rakyat yg masih "berpolitik" yg tak paham..xper,kita tunggu selepas nCOv redha..kita tengok berapa ramai rakyat mati kerananya...di china pun yg mati kebanyakannya golongan org tu yg susah bernafas....takkan dr.m merisikokan rakyatnya untuk mati ramai2...."-K11

"hahah WHO dah bersidang ambik lah tahu sikit apa keputusan persidangan hmm" -K29

K11 merujuk kepada penyelesaian yang mahu mendiamkan rakan netizen lain apabila rata-rata memaki hamun Perdana Menteri itu dengan menyatakan bahawa keputusan yang dibuat kerajaan itu sudah merujuk atau dinasihati pakar dalam hal berkenaan. Namun, sebaliknya rakyat masih tidak bertenang dan bermain sentimen politik bagi menyebarkan fitnah. Katanya, mustahil bagi pemimpin nombor satu itu mahu mendatangkan risiko kepada rakyat di negara sendiri. Manakala, K29 pula menjelaskan bahawa rakyat Malaysia perlu mengambil tahu keputusan atau pandangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan bukannya hanya mengikut pandangan diri sendiri.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang dibincangkan, netizen ini menyasarkan Perdana Menteri, Kabinet dan Kerajaan Malaysia secara terbuka tanpa sekatan. Ini dapat dilihat apabila kedua-dua laman sosial kedua-dua organisasi ini menjadi medium orang ramai yang mempunyai akaun profil Facebook menyatakan komen serta reaksi masing-masing. Media sosial yang menjadi platform masyarakat di seluruh dunia telah meninggalkan kesan yang besar kepada kerajaan dan masyarakat. Hal ini menjadikan kelakuan mereka khususnya dalam meninggalkan komen di mana-mana platform media sosial yang mendatangkan huru-hara serta boleh menggugat keamanan dalam negara jika tidak dipantau rapi.

Masyarakat mahu agar pandangan mereka diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan sesuatu dasar atau tindakan. Pihak berkuasa perlu bekerjasama dengan Facebook dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyekat penggunaan bahasa yang kurang sopan. Malah, mereka juga perlu menapis bentuk artikel yang sesuai disiarkan bagi mengelakkan timbul provokasi sesama pengguna Facebook. Selain itu, pihak Facebook disarankan untuk menyekat penggunaan IP lebih daripada seorang pengguna bagi mengelakkan wujudnya terlalu banyak akaun palsu atau laskar siber. Kerajaan boleh mewujudkan saluran aduan rakyat secara dalam talian dan bertindak balas dengan cepat terhadap aduan yang disalurkan oleh rakyat. Hasil kajian mendapati netizen meluahkan rasa tidak puas hati sehingga mendorong mereka meninggalkan komen yang tidak sopan dan tidak menghormati sistem perlumbagaan. Kata-kata makian, sumpahan dan ugutan menjadi mainan mereka. Tanpa disedari mereka boleh dikenakan satu lagi akta yang melanggar hak asasi iaitu Seksyen 504 Kanun Keseksaan mensabitkan kesalahan 'sengaja mengaibkan' dengan niat hendak membangkitkan isu keamanan.

Oleh itu, penyelidik mendapati perkembangan media sosial dalam organisasi-organisasi media telah membuka ruang untuk pengguna menyampaikan pandangan dan kritikan kepada kerajaan, pemimpin negara dan sebagainya. Pihak kerajaan perlu memandang serius perkara ini kerana kesannya kepada generasi akan datang. Aspek kesantunan dalam berbahasa dengan lebih berhemah perlu diterapkan dalam generasi akan datang. Selain itu, tapisan bahasa yang kasar perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa supaya

netizen hari ini tidak sewenang-wenangnya membuat tohmahan atau kritikan aib apatah lagi dalam konteks terbuka.

BIODATA

Norhayati Umor adalah pelajar Ijazah Kedoktoran Pengurusan Media, Universiti Utara Malaysia. Penulis juga kini sedang berkhidmat di Media Selangor Sdn Bhd. Email: hayati@mediaselangor.com

Prof Madya Dr Awan *Ismail* adalah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Email: awan@uum.edu.my

RUJUKAN

- Amirah Ahmad, Noriza Daud, Norizah Ardi, & Nurrisammimayanti Ismail. (2019). *Ketidaksantunan bahasa dalam komen isu peletakan jawatan YDPA*. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.
- Azhar Kasim, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Awan Ismail, & Azzamakhsyari Masri. (2015). *Pembingkaian berita krisis selatan Thailand dalam akhbar aliran perdana di Malaysia*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 27-40.
- Culpeper, J. (2005). *Impoliteness and entertainment in the television quiz show: 'The weakest link'*. *Journal of Politeness Research*, 1(1), 35-72. <https://doi.org/cg6ft4>
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. London: Cambridge University Press.
- Eisenlauer, V. (2014). Facebook as a third author—(Semi-)automated participation framework in Social Network Sites. *Journal of Pragmatics*, 72, 73–85.
- Eriyanto. (2012). *Analisis framing: Konstruksi ideologi dan politik media*. Yogyakarta: LkiS.
- Entman R.M. (2004). *Projections of power: Framing news, public opinion, and US foreign Policy*. University of Chicago Press.
- Hootsuite. (2020). Digital 2020. <https://www.hootsuite.com/resources/digital-2020>
- Maslida Yusof, & Karim Harun. (2015). *Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook*. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 31(2), 151-168.
- Mohamad Abdul Nafi Azhari. (2006). *Pemaparan isu Ambalat di akhbar arus perdana Indonesia studi analisis kandungan kepada akhbar Kompas dan the Jakarta Post*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Murugan Krishnan. (2018). *Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen MalaysiaKini*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nadia Fauzi. (2017). *Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan* <https://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PMSDDTS18122017.pdf>
- Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz, & Rusniah Ahmad. (2020). Penyalahgunaan media sosial: Kerangka Institusi dan Undang-Undang di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(18), 57-67.
- Normah Mustaffa. (2020). *Pendapat awam dalam era digital*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Nur Shazana Abdul Rani. (2018). *Kecenderungan individu terhadap penggunaan Facebook berkaitan isu politik di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Sheldon, P. (2008) The relationship between unwillingness to communicate and students' Facebook use. *Journal of Media Psychology*, 20, 67-75.
- Syahredzan Johan. (2020). Rakyat Malaysia bebas bersuara. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/94660>